


ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN



SEMAKAN SEMULA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

2024-2025

**PELAN ANTIRASUAH
ORGANISASI (OACP)**
ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)

**KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
2024-2025**

Diterbitkan oleh:

UNIT INTEGRITI

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

Blok C, Menara Kinabalu,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 Kota Kinabalu, SABAH.

TEL : 088-368271 FAX : 088-213463

CETAKAN PERTAMA

TAHUN 2021

DAN

CETAKAN KEDUA

TAHUN 2023

SEMUA HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksploitasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.

KANDUNGAN

- Perutusan Menteri Kewangan
- Perutusan Setiausaha Tetap
- Singkatan

BAB 1 : PENGENALAN

Latar Belakang Semakan Semula OACP KKNS	1
Latar Belakang KKNS	2
Bidang-bidang yang Berisiko	3
Senario Rasuah dan Salah Laku Integriti di KKNS	4 - 6

BAB 2 : MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

Kerangka OACP	7 - 8
Keutamaan Strategi : Penekanan Inisiatif	9 - 10
Ringkasan Semakan Semula	11

BAB 3 : PELAN TINDAKAN INISIATIF

Bidang Keutamaan 1 : Tadbir Urus	12
Bidang Keutamaan 2 : Pentadbiran	13
Bidang Keutamaan 3 : Kewangan	13
Bidang Keutamaan 4 : Perolehan	14

BAB 4 : TADBIR URUS

Mekanisme Pelaksanaan	15
-----------------------------	----

BAB 5 : PENUTUP

Penghargaan	16
Ahli Jawatankuasa Semakan Semula OACP	17
Ahli Jawatankuasa yang Menghadiri Bengkel Semakan Semula	18
OACP Bersama Pihak Institut Integriti Malaysia (IIM) Bilangan 1	
Ahli Jawatankuasa yang Menghadiri Bengkel Semakan Semula	19
OACP Bersama Pihak Institut Integriti Malaysia (IIM) Bilangan 2	
Gambar-gambar sepanjang pelaksanaan semakan semula	20

PERUTUSAN MENTERI KEWANGAN

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah, berkat, kurnia dan izin-Nya dapatlah Pelan Semakan Semula Antirasuah Organisasi (OACP) Kementerian Kewangan Negeri Sabah (KKNS) 2024 - 2025 dihasilkan. Semakan Semula OACP KKNS sebagai bukti komitmen dan kesungguhan KKNS untuk memerangi rasuah seterusnya dapat memartabatkan tadbir urus perkhidmatan KKNS.

Selaras dengan hasrat kerajaan yang inginkan Malaysia dikenali dengan integriti dan bebas rasuah, OACP KKNS dihasilkan dengan memantapkan empat (4) strategi utama, iaitu tadbir urus korporat, pentadbiran, pengurusan kewangan dan perolehan untuk dilaksanakan.

Saya menyeru semua warga KKNS menyemai iltizam tinggi bagi memastikan amalan budaya kerja unggul dengan moral dan etika yang kukuh dapat disemat dalam diri masing-masing seterusnya membendung salah laku serta pelanggaran etika organisasi. Jadikanlah OACP ini sebagai rujukan utama untuk menangani isu-isu dalaman berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam semakan semula OACP ini. Harapan saya, semoga semakan semula OACP ini mendapat sokongan semua peringkat agar dapat membentuk organisasi yang bebas rasuah dengan warganya membudayakan ketelusan, akauntabiliti dan integriti.

Sekian. Terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATUK SERI PANGLIMA HAJI MASIDI MANJUN

"SABAH MAJU JAYA"



PERUTUSAN SETIAUSAHA TETAP

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA,

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Kementerian Kewangan Negeri Sabah (KKNS) merupakan salah satu bentuk perancangan awal dalam usaha membantu Kementerian menjayakan kempen pencegahan aktiviti rasuah, salah guna kuasa dan kelemahan tadbir urus Kementerian. OACP ini telah dibangunkan secara kolektif sebagai satu platform yang kukuh ke arah usaha mentradisikan integriti dalam kalangan warga KKNS.

Melalui semakan dan penilaian hasil pemantauan yang dilaksanakan secara berkala ke atas kemajuan inisiatif OACP KKNS sedia ada, maka semakan semula OACP KKNS 2024-2025 ini dihasilkan sebagai medium penyampaian berkaitan pencapaian dan penambahbaikan yang telah dan akan dilaksanakan ke atas keseluruhan inisiatif yang telah dipersetujui sejak pelaksanaannya pada Disember 2021.

Kajian semakan semula telah dilaksanakan dengan kerjasama semua Bahagian dan Unit di KKNS. Hasilnya, pelan ini telah dikemaskini dengan pengurangan bilangan inisiatif kepada 9 inisiatif sahaja di samping pembaharuan terhadap beberapa inisiatif yang memerlukan perubahan skop dan perincian.

Saya ingin menekankan bahawa semua inisiatif yang telah dikenal pasti perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen oleh semua warga Kementerian. Pelan ini diharapkan akan menjadi panduan dan rujukan untuk memastikan visi “Menjadikan KKNS bebas rasuah dan berintegriti” dapat direalisasikan.

Sekian. Terima kasih.


“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATUK MOHD SOFIAN ALFIAN NAIR

“SABAH MAJU JAYA”





**“ Rezeki halal walau sedikit lebih baik daripada rezeki haram yang banyak.
Maka carilah keberkatan dalam apa jua yang kita lakukan ”**

*Al-Iman Ibnu Taimaiyyah Rahimahullah,
Kitab Majmu'ah Al-Fatawa*

SINGKATAN

KKNS - Kementerian Kewangan Negeri Sabah

OACP - Pelan Antirasuah Organisasi

BBN - Badan Badan Berkanun Negeri

K&E - Bahagian Kewangan & Ekonomi

B - Bahagian Belanjawan

CJN - Bahagian Cukai Jualan Negeri

PPHA - Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam

PAP - Bahagian Pemantauan Agensi Awam dan Pelaburan

AD - Bahagian Audit Dalam

PPA - Bahagian Pentadbiran & Pengurusan Akaun

JBNS - Jabatan Bendahari Negeri Sabah

GLC - *Government Link Company*

SCIS - *State Company Information System*

SOP - *Standard Operating Procedure*

BHGN - Bahagian



BAB 1 - PENGENALAN

LATAR BELAKANG

SEMAKAN SEMULA OACP KKNS

Seiring dengan perubahan semasa dan dasar negeri khususnya agenda pengukuhan integriti, antirasuah dan tadbir urus baik, semakan semula Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Kementerian Kewangan Negeri Sabah (KKNS) 2021-2025 telah dilaksanakan dengan memperincikan inisiatif-inisiatif sedia ada di samping mengenal pasti tahap pencapaian dan penambahbaikan yang berterusan.

Dalam sesi semakan ini, semua indikator yang boleh menunjukkan sama ada kejayaan atau kegagalan dalam fasa pelaksanaan pelan dikenal pasti dan dikaji semula untuk penambahbaikan. Indikator ini akan berfungsi sebagai panduan kepada Unit Integriti untuk merangka penambahbaikan dan pengupayaan semula setiap inisiatif di dalam OACP. Amalan ini juga perlu untuk tujuan kebertanggungjawaban serta meneguhkan usaha penyelarasan.

LATAR BELAKANG KKNS

Kementerian Kewangan Negeri Sabah (KKNS) telah diwujudkan pada tahun 1964 dan merupakan sebuah organisasi yang menjadi teras kepada pentadbiran dan pengurusan sumber kewangan negeri.

KKNS adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan anggaran hasil tahunan dan pengawalan perbelanjaan awam negeri. KKNS juga berperanan dalam merancang, memantau dan mengawal pematuhan tatacara kewangan dan pelaburan negeri di samping menjadi nadi penggerak terhadap jentera pentadbiran ke arah perkembangan ekonomi dan sosial selaras dengan dasar perancangan pembangunan negeri.

KKNS juga menjadi pusat penyelarasan terhadap aliran peruntukan kewangan persekutuan dan bantuan luar negeri untuk pembangunan ekonomi negeri. Demi memantapkan pengurusan kewangan dan perakaunan, KKNS bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara untuk memastikan pematuhan Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) dan Arahan Perbendaharaan dan perkara-perkara berkaitan yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri dan Perlembagaan Persekutuan.

Di bawah kawalan KKNS terdapat satu (1) buah Jabatan, satu (1) buah Badan - Badan Berkanun dan enam belas (16) syarikat Kerajaan Negeri (GLC).

SENARAI JABATAN

1. JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

SENARAI BADAN-BADAN BERKANUN

1. PERBADANAN PINJAMAN SABAH

SENARAI SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PROGRESSIVE INSURANCE BERHAD
2. QHAZANAH SABAH BERHAD
3. DESA GROUP OF COMPANIES
4. SAHAM SABAH BERHAD
5. SABAH AIR AVIATION SDN BHD
6. TABIN WILDLIFE HOLIDAYS SDN BHD
7. SABAH INTERNATIONAL DAIRIES SDN BHD (SID)
8. SABAH MINERAL MANAGEMENT SDN BHD
9. YAYASAN BUMIPUTRA SABAH
10. YAYASAN USAHA MAJU
11. SABAH DEVELOPMENT BERHAD
12. KKTP SDN BHD
13. WARISAN JAYAMAKMUR SDN BHD
14. SABAH DEVELOPMENT BANK BERHAD
15. SMJ ENERGY SDN BHD
16. BORNEO DEVELOPMENT CORPORATION (SABAH) SDN. BHD.

BIDANG-BIDANG YANG BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, empat (4) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di Kementerian Kewangan Negeri Sabah (KKNS) telah dikenal pasti iaitu:

TADBIR URUS

Perundangan (Enakmen), prosedur dan proses kerja atau tatakelola yang tidak lagi sesuai yang menjurus kepada kelemahan penguatkuasaan dan wujud ruang untuk penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Selain itu, turut berisiko untuk berlakunya kebocoran maklumat terperingkat.

PENTADBIRAN

Pentadbiran merupakan proses dan aktiviti yang berterusan untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Perubahan organisasi yang efektif tidak akan berlaku sekiranya pengurusan dan pentadbiran tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan yang mana turut mewujudkan masalah penyampaian perkhidmatan dan masalah tatakelakuan pekerja.

Penglibatan warga kerja dalam menyumbangkan idea, kepakaran dan tenaga haruslah dihargai dalam menjaga keharmonian dan mencapai objektif organisasi. Sehubungan itu, pengurusan sumber manusia perlu mempunyai strategi dan pendekatan untuk mengurus dan mengawal aktiviti yang berkaitan dengan sumber manusia agar selari dengan matlamat sebenar KKNS.

KEWANGAN

Pengurusan Kewangan merujuk kepada proses perancangan, pengagihan dan penggunaan tenaga manusia, modal (wang tunai), barangan (aset) dan perolehan untuk memenuhi matlamat sesuatu organisasi. Pelaksanaan proses ini hendaklah mematuhi undang-undang, prosedur dan arahan yang telah dikuatkuasakan pada masa yang ditetapkan.

PEROLEHAN

Ketidakpatuhan kepada prosedur perolehan selalu menjadi isu utama di KKNS terutamanya apabila melibatkan perolehan / pelaksanaan kerja yang tidak mengikut peraturan. Proses perolehan yang tidak mengikut prosedur ditetapkan akan menyebabkan masalah tuntutan pembayaran dan seterusnya menjatuhkan imej kementerian.

SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI DI KKNS

Pihak Kementerian Kewangan Negeri Sabah (KKNS) mengalami kesukaran dalam memperolehi data yang berkaitan dengan senario rasuah dan salah laku disebabkan tidak banyak laporan yang diterima dan ketiadaan rekod yang tepat. Walau bagaimanapun, dalam beberapa siri percambahan fikiran (*Brainstorming*) yang dijalankan data-data berjaya di kumpul seperti berikut :

STATISTIK BILANGAN KES RASUAH YANG DITERIMA DARIPADA PIHAK SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

KLASIFIKASI MAKLUMAT					
	2019	2020	2021	2022	2023
KLASIFIKASI MAKLUMAT	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH
MINTA RASUAH	1	2	-	-	-
TERIMA RASUAH	-	-	3	1	-
SALAHGUNA KUASA	-	1	1	-	-
PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN	-	-	2	2	-
TUNTUTAN PALSU	-	-	-	-	4
LAIN-LAIN	-	1	-	-	-
JUMLAH	1	4	6	3	4

JENIS KESALAHAN

	2019	2020	2021	2022	2023
JENIS KESALAHAN	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH
TENDER/PROJEK/KONTRAK/BEKALAN	1	3	4	-	1
AMALAN, SISTEM DAN TATACARA	-	-	1	2	-
TERIMA RASUAH	-	-	-	1	-
TUNTUTAN PALSU	-	-	-	-	2
DOKUMEN PALSU	-	-	1	-	-
PINJAMAN KEWANGAN	-	1	-	-	-
LOJING/HOTEL	-	-	-	-	1
JUMLAH	1	4	6	3	4

SEKSYEN KESALAHAN

	2019	2020	2021	2022	2023
JENIS KESALAHAN	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH
UMUM (LAIN-LAIN AKTA)	1	1	-	-	-
SEKSYEN 17(A) ASPRM 2009	-	2	3	1	-
SEKSYEN 18 ASPRM 2009	-	-	-	-	4
SEKSYEN 23 (1) ASPRM 2009	-	1	1	-	-
SEKSYEN 7 (C) ASPRM 2009	-	-	2	2	-
JUMLAH	1	4	6	3	4

DATA INI DIPEROLEH DARIPADA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) NEGERI SABAH

STATISTIK TINDAKAN TATATERTIB KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH





BAB 2 - MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

ASPEK GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH, KERANGKA UTAMA PELAN
ANTIRASUAH ORGANISASI

KERANGKA OACP KKNS

VISI

*MENJADIKAN KKNS BEBAS RASUAH
DAN BERINTEGRITI*

MISI

*MEMBUDAYAKAN INTEGRITI DAN BEBAS RASUAH
DALAM SEMUA ASPEK
DI KALANGAN WARGA KKNS*

OBJEKTIF

*MENINGKATKAN KEUPAYAAN PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN MELALUI PEMERKASAAN
TADBIR URUS YANG CEKAP, BERKESAN DAN TELUS*

BIDANG KEUTAMAAN

1

TADBIR URUS

2

PENTADBIRAN

3

KEWANGAN

4

PEROLEHAN

KERANGKA OACP KKNS



5 OBJEKTIF STRATEGIK

- 1** *MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS YANG BAIK DALAM PENGURUSAN ORGANISASI*
- 2** *MEMPERKASAKAN SISTEM PENGURUSAN ASET DAN STOR AGAR LEBIH EFISIEN*
- 3** *MEMANTAPKAN PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN*
- 4** *MENINGKATKAN KECEKAPAN & PENGAMALAN PROFESIONALISME DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN*
- 5** *MEMASTIKAN PENGAMALAN TADBIR URUS BAIK DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN*

KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN INISIATIF

KOMPLEKSITI

Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

IMPAK

Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif

A

KUADRAN A

mewakili inisiatif **BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI RENDAH.**

KUADRAN B

mewakili inisiatif **BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI TINGGI.**

B

C

KUADRAN C

mewakili inisiatif **BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI RENDAH.**

KUADRAN D

mewakili inisiatif **BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI TINGGI.**

D

BAHAGIAN / UNIT PENERAJU	TEMPOH MASA
BAHAGIAN BELANJAWAN	2021 - 2025
BAHAGIAN PEMANTAUAN AGENSI AWAM	2023 - 2025
BAHAGIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	2023 - 2025
BAHAGIAN PEROLEHAN, PUKONSA DAN HARTA AWAM	2021 - 2025
BAHAGIAN CUKAI JUALAN NEGERI	2023 - 2025
BAHAGIAN AUDIT DALAM	2021 - 2025
UNIT INTEGRITI	2021 - 2025
UNIT PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN ASET	2023 - 2025
UNIT LATIHAN DAN PENGURUSAN KUALITI	2021 - 2025

RINGKASAN SEMAKAN SEMULA

SEBELUM SEMAKAN SEMULA



47 JUMLAH INISIATIF KESELURUHAN	9 JANGKA MASA PENDEK
	16 JANGKA MASA SEDERHANA
	22 JANGKA MASA PANJANG

SELEPAS SEMAKAN SEMULA



9 JUMLAH INISIATIF KESELURUHAN	0 JANGKA MASA PENDEK
	9 JANGKA MASA SEDERHANA
	0 JANGKA MASA PANJANG

INISIATIF			
GUGUR	PINDA	BARU	KEKAL
38	3	3	3

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1	Mengadakan program/kursus/latihan tadbir urus, nilai-nilai murni, integriti dan rasuah	A	1
2	Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal bagi menyemak Garis Panduan (SOP) sedia ada bagi Sub-Unit NGO.	A	1
3	Menyemak dan menambah baik Buku Kod Tadbir Urus Korporat	B	1
4	Menambah baik Pengurusan Aset dan Stor	B	2
5	Menyemak dan menambah baik garis panduan (SOP) Penguatkuasaan Cukai Jualan Negeri dengan mewujudkan mekanisme semakan silang	B	3
6	Mengeluarkan arahan kepada agensi untuk melaporkan perbelanjaan ke atas pinjaman setiap 6 bulan kepada Unit Pelaburan dan Pinjaman, Bahagian Pemantauan Agensi Awam dan Pelaburan	A	3
7	Menambah baik proses pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dengan mewajibkan mereka yang terlibat dalam urusan perolehan melalui proses sistem tapisan keutuhan SPRM.	A	4
8	Mengemaskini pekeliling dan manual Perolehan Perkhidmatan Perunding	B	4
9	Membangunkan Sistem Modul Permohonan Pelantikan Perunding	B	4

BAB 3 - PELAN TINDAKAN INISIATIF

BIDANG KEUTAMAAN

STRATEGI 1

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS KORPORAT YANG BAIK DI KKNS

OBJEKTIF STRATEGIK 1.1

MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS YANG BAIK DALAM PENGURUSAN ORGANISASI

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	KUADRAN
1	Mengadakan program/kursus/latihan tadbir urus, nilai-nilai murni, integriti dan rasuah	Unit Latihan dan Pengurusan Kualiti	2 Tahun (2024-2025)	A
2	Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal bagi menyemak Garis Panduan (SOP) sedia ada bagi Sub-Unit NGO.	Bahagian Belanjawan	2 Tahun (2024-2025)	A
3	Menyemak dan menambah baik Buku Kod Tadbir Urus Korporat	Bahagian Pemantauan Agensi Awam dan Pelaburan	2 Tahun (2024-2025)	B

BIDANG KEUTAMAAN 2

PENTADBIRAN

STRATEGI 2

MEMPERKASAKAN INTEGRITI BAGI PENTADBIRAN ORGANISASI

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1

MEMPERKASAKAN SISTEM PENGURUSAN ASET DAN STOR AGAR LEBIH EFISIEN

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	KUADRAN
1	Menambah baik Pengurusan Aset dan Stor	Unit Pengurusan dan Penyelenggaraan Aset	2 Tahun (2024-2025)	B

BIDANG KEUTAMAAN 3

KEWANGAN

STRATEGI 3

MEMANTAPKAN PEMATUHAN DAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN KEWANGAN

OBJEKTIF STRATEGIK 3.1

MEMANTAPKAN PENGURUSAN KEWANGAN

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	KUADRAN
1	Menyemak dan menambah baik garis panduan (SOP) Penguatkuasaan Cukai Jualan Negeri dengan mewujudkan mekanisme semakan silang	Bahagian Cukai Jualan Negeri	2 Tahun 2024-2025	B
2	Mengeluarkan arahan kepada agensi untuk melaporkan perbelanjaan ke atas pinjaman setiap 6 bulan kepada Unit Pelaburan dan Pinjaman, Bahagian Pemantauan Agensi Awam dan Pelaburan	Bahagian Pemantauan Agensi Awam dan Pelaburan	2 Tahun (2024-2025)	A

BIDANG KEUTAMAAN 4


PEROLEHAN

STRATEGI 4

MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN

OBJEKTIF STRATEGIK 4.1

MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN PENGAMALAN PROFESIONALISME DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	KUADRAN
1	Menambah baik proses pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dengan mewajibkan mereka yang terlibat dalam urusan perolehan melalui proses sistem tapisan keutuhan SPRM.	Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam dan Unit Integriti, BPPA	2 Tahun (2024-2025)	



PEROLEHAN

STRATEGI 4

MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN

OBJEKTIF STRATEGIK 4.2


MEMASTIKAN PENGAMALAN TADBIR URUS BAIK DALAM PERKHIDMATAN PEROLEHAN KERAJAAN

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	KUADRAN
1	Mengemaskini Pekeliling dan Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding	Bahagian Kewangan dan Ekonomi	2 Tahun (2024-2025)	
2	Membangunkan Sistem Modul Permohonan Pelantikan Perunding	Bahagian Kewangan dan Ekonomi	2 Tahun (2024-2025)	

BAB 4 - *TADBIR URUS*

MEKANISME PELAKSANAAN SEMAKAN SEMULA

MEKANISME PELAKSANAAN





BAB 5 - *PENUTUP*

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang membantu bagi memberikan input, analisis, panduan dan sokongan dalam semakan semula Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI MASIDI MANJUN

Menteri Kewangan

YB DATUK JULITA MAJUNGKI

Pembantu Menteri Kewangan I

YB TUAN TAN LEE FATT

Pembantu Menteri Kewangan II

YBHG. DATUK MOHD SOFIAN ALFIAN NAIR

Setiausaha Tetap

PUAN CHEE SHOK TING

Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan)

PUAN ANTHEA JAMES JIPANUS

Timbalan Setiausaha Tetap (Operasi/Pengurusan)

YBHG. TPJ. DATO' NOR AZMI BIN KARIM

Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi,
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

ENCIK MOHD ASRIL BIN SHARIL

Bahagian Integriti dan Governans Negeri Sabah

SETIAUSAHA-SETIAUSAHA RENDAH / KETUA UNIT

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)

AHLI JAWATANKUASA SEMAKAN SEMULA

PENASIHAT

YBhg. Datuk Mohd Sofian Alfian Nair
Setiausaha Tetap

PENGERUSI

Puan Anthea James Jipanus
Timbalan Setiausaha Tetap (Operasi/Pengurusan)

TIMBALAN PENERUSI

Puan Nor Linda binti Mohd Azahari
Setiausaha Rendah Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Akaun

JAWATANKUASA

Encik Mohd Faizal bin Mohd Tahir
Setiausaha Rendah Bahagian Belanjawan

Puan Musleha Khairunisa binti Muluk
Setiausaha Rendah Bahagian Kewangan Dan Ekonomi

Puan Evina Brenda Majimbun
Setiausaha Rendah Bahagian Cukai Jualan Negeri

Puan Hajah Roselidah binti Raskan
Setiausaha Rendah Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam

Puan Dayang Selha binti Ibrahim
Setiausaha Rendah Bahagian Pemantauan Agensi Awam dan Pelaburan

Puan Nor Linda binti Mohd Azahari
Setiausaha Rendah Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Akaun

URUSETIA

Puan Jubaidah Siti Zubaidah Abdul Hamid
Pegawai Integriti

Puan Norazlinah Saipin

Encik Hussein Kassim

Encik Mohd Ezar Azmeer bin Ahmad

Puan Dg Aziemah Izzati binti Aisa

Encik Fikhri Hazizi Hamsad

PEGAWAI PENYELARAS OACP

Puan Felicia Johnny Mositun
Bhgn Pentadbiran dan Pengurusan Akaun

Puan Christina Marina Monis
Bhgn Pemantauan Agensi Awam dan
Pelaburan

Encik Muhd Irfan Ibrahim
Bhgn Belanjawan

Puan Brenda Bopulas
Bhgn Kewangan dan Ekonomi

Puan Nursyazana binti Zainal
Bhgn Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam

Puan Nur Syarah Adiba A Rahim
Bhgn Cukai Jualan Negeri

PASUKAN INOVASI DIGITAL MOF

Encik Sariwan bin Jamanih
Ketua Pegawai Digital

Encik Kevin Alfred Alim

Encik Mohd Indra Faidhi bin Mohd Yusop

AHLI JAWATANKUASA YANG MENGHADIRI BENGKEL SEMAKAN SEMULA OACP BERSAMA PIHAK INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM) BILANGAN 1

TARIKH : 12 - 13 JUN 2023

Tuan Haji Suhaib Datuk Haji Ismail

TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP (PENGURUSAN)

Encik Mohd Irfan bin Ibrahim

BAHAGIAN BELANJAWAN

Puan Nekmah binti Abdullah

Puan Brenda Bopulas

BAHAGIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Puan Evina Brenda Majimbun

Puan Nur Syarah Adiba A Rahim

BAHAGIAN CUKAI JUALAN NEGERI

Puan Hajah Roselidah binti Raskan

Puan Mira Astralie Mila binti Talip

Puan Felicia Joseph Galais

BAHAGIAN PEROLEHAN, PUKONSA DAN HARTA AWAM

Puan Ruzaidah Ruji Jaman

Puan Bibi Hasna Carriena binti Ahmad Shah

BAHAGIAN PEMANTAUAN AGENSI AWAM DAN PELABURAN

Encik Fazil Nur Hassan

Puan Dg Zarish Safinaz Ag Damit

BAHAGIAN AUDIT DALAM

Puan Felicia Johnny Mositun

Puan Netty Rezuanna binti Ismail

Puan Jubaidah Siti Zubaidah Abdul Hamid

Encik Kevin Alfred Alim

Puan Norazlinah binti Saipin

Encik Ahmad Abdul

Encik Hussein Kassim

Encik Mohd Ezar Azmeer bin Ahmad

Encik Fikhri Hazizi Hamsad

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN AKAUN

AHLI JAWATANKUASA YANG MENGHADIRI BENGKEL SEMAKAN SEMULA OACP BERSAMA PIHAK INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM) BILANGAN 2

TARIKH : 20 - 22 JULAI 2023

Puan Anthea James Jipanus	<i>TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP (OPERASI/PENGURUSAN)</i>
Encik Mohd Irfan bin Ibrahim	<i>BAHAGIAN BELANJAWAN</i>
Puan Nekmah binti Abdullah Puan Brenda Bopulas	<i>BAHAGIAN KEWANGAN DAN EKONOMI</i>
Puan Evina Brenda Majimbun Puan Nur Syarah Adiba A Rahim	<i>BAHAGIAN CUKAI JUALAN NEGERI</i>
Puan Hajah Roselidah binti Raskan Puan Mira Astralie Mila binti Talip	<i>BAHAGIAN PEROLEHAN, PUKONSA DAN HARTA AWAM</i>
Puan Ruzaidah Ruji Jaman Puan Bibi Hasna Carriena binti Ahmad Shah	<i>BAHAGIAN PEMANTAUAN AGENSI AWAM DAN PELABURAN</i>
Puan Dg Zarish Safinaz Ag Damit	<i>BAHAGIAN AUDIT DALAM</i>
Puan Nor Linda binti Mohd Azahari Puan Felicia Johnny Mositun Puan Jubaidah Siti Zubaidah Abdul Hamid Encik Kevin Alfred Alim Encik Hussein Kassim Encik Mohd Ezar Azmeer bin Ahmad Encik Fikhri Hazizi Hamsad	<i>BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN AKAUN</i>

GAMBAR-GAMBAR SEPANJANG PELAKSANAAN SEMAKAN SEMULA BUKU PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)



AHLI JAWATANKUASA YANG MENGHADIRI BENGKEL SEMAKAN SEMULA OACP BERSAMA PIHAK INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)
BILANGAN 1



AHLI JAWATANKUASA YANG MENGHADIRI BENGKEL SEMAKAN SEMULA OACP BERSAMA PIHAK INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)
BILANGAN 2



AHLI JAWATANKUASA YANG MENGHADIRI SEMAKAN SEMULA OACP BERSAMA
YBHG. TPJ. DATO' NOR AZMI BIN KARIM
PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI, SURUHANJAYA PENCEGAHAN MALAYSIA (SPRM)

***Hanya nilai integriti,
kejujuran dan amanah
yang kukuh dalam diri seseorang
dapat menangkis godaan rasuah
serta salah guna kuasa.***

**UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH**

2024-2025